

Beberapa cadangan Mapen dilaksana

BH - 6 DEC 1990

(P)

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menje-
taskan, kerajaan tidak
dapat melaksanakan se-
penuhnya hasil laporan
Majlis Perundingan
Ekonomi Negara (Ma-
pen) yang gagal menca-
pai kesepakatan, kerana
tidak mahu pembentu-
kan dasar ekonomi sele-
pas 1990 menerima nasib
seperti Dasar Ekonomi
Baru (DEB).

Bagaimanapun, Per-
dana Menteri berkata,
kerajaan akan tetap
mengkaji laporan majlis
itu kerana mungkin ada
beberapa cadangannya
yang boleh diterima dan
dimasukkan dalam da-
sar ekonomi ciptaan ke-
rajaan sendiri.

Katanya, kerajaan ti-
dak faham mengapa me-
reka yang menarik diri
daripada Mapen begitu
ghairah hendak melihat
kerajaan menerima da-
sar yang dibentuk oleh
sebahagian ahli Mapen.

"Bagi pihak kerajaan,
ia tidak lagi terikat un-
tuk menerima sepenuh-
nya dasar yang dicipta
bukan secara kesepaka-
tan itu," tegasnya ketika
menjawab soalan Encik
Lim Guan Eng (DAP-
Kota Melaka), di Dewan
Rakyat hari ini.

Soalan yang sama
juga dikemukakan oleh
Encik Chan Heng Kai
(DAP-Bukit Mertajam)
dan Encik S S Subrama-
niam (BN-Segamat).

Datuk Seri Dr Ma-
hathir berkata, Mapen
lewat mengemukakan
hasil laporannya kerana
sikap pihak tertentu dan
parti pembangkang
yang lebih mengutama-

kan politik parti daripa-
da kepentingan nasional.

"Mereka hanya
menggangu perbin-
cangan Mapen dan tidak
cuba mencari kesepaka-
tan dengan ikhlas,
menyebabkan kerja Ma-
pen tergendala dan per-
bincangan berlarutan
tanpa sebarang hasil.
Peretujuan cuma dica-
pai selepas pihak ini me-
narik diri," katanya.

Menurutnya, kerajaan
menubuhkan Mapen
bagi memberi peluang
semua pihak, termasuk
pengkritik dan cerdik
pandai daripada semua
kaum, bersama-sama
membentuk dasar eko-
nomi selepas 1990.

"Malangnya, Mapen
gagal mencapai kesepa-
katan. Jika dasar yang
dipersetujui oleh ba-
hli Mapen itu diterima
dan dilaksanakan ker-
ajaan, maka nasib dasar
ekonomi yang baru nanti
akan menjadi sama
dengan DEB kerana
kumpulan yang menarik
diri daripada Mapen
akan bebas mengutus
dasar yang dibentuk oleh
Mapen itu," katanya.

Beliau berkata, tinda-
kan golongan itu men-
buktikan pengkritik
DEB sendiri tidak ber-
paya mencipta dasar
ekonomi lebih baik.

Katanya, apabila ker-
ajaan membentuk DEB
pada 1970, tidak ramai
masyarakat yang dijem-
put, khususnya kalangan
parti lawan, untuk
menyertai rundingan
mengenai dasar itu.

Dengan itu, katanya,
DEB dikritik hebat oleh
ramai pihak, terutama
di kalangan parti lawan.